

25 JAN 2001

Mahathir-Pembangkang

PAKATAN PEMBANGKANG TIDAK IKHLAS, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan pakatan yang dibuat parti pembangkang kerana perjuangan mereka tidak ikhlas.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) adalah pencipta pakatan antara parti di di negara ini yang menyaksikan sekarang ini ia telah mempunyai 14 parti komponen yang mewakili pelbagai kaum.

BN yang mencipta cara kerjasama antara kaum, tetapi parti pembangkang meniru kerana mereka melihat dengan cara pakatan itu mereka dapat meraih undi, katanya.

"Pakatan parti pembangkang tidak ikhlas. Mereka hanya mengamalkannya untuk kepentingan sendiri, untuk mendapat undi," katanya pada majlis jamuan sempena Adil Fitri dan Tahun Baru Cina anjuran BN Kedah di sini, malam ini.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta pemimpin komponen parti BN peringkat negeri turut hadir.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata, walaupun pembangkang meniru, pakatan yang dibuat pembangkang itu sama-sekali berlainan dengan BN.

Beliau berkata BN berjuang untuk kepentingan semua kaum, serta berusaha menjadikan negara ini maju dan aman tetapi mereka (pembangkang) hanya berusaha untuk kepentingan parti masing-masing, katanya.

"Sebab itulah kita masih dapat memerintah negara sejak dahulu sehingga sekarang," katanya.

Dr Mahathir juga meminta anggota Umno terus bersatu padu dan memberi sokongan teguh kepada pemimpin.

-- BERNAMA

MZM FAZ